

**Raja Muda Perlis Mahu Rakyat Utamakan Perpaduan Menjelang PRU
Bernama
7 Februari, 2013**

KANGAR, 7 Feb (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail mahu rakyat berbilang kaum dan agama di negara ini mencari pendekatan ke arah meningkatkan perpaduan menjelang pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

Baginda bertitah ia penting bagi memastikan nikmat kemakmuran dan keamanan yang begitu mahal nilainya terus diwarisi dan dinikmati rakyat negara ini.

"Utamakan nilai perpaduan dalam apa jua program yang dianjurkan. Jangan pula mencari perpecahan dan memporak perandakan melalui kegiatan yang dianjurkan," titah baginda merasmikan Ekspo Keusahawanan dan Karnival Mahabbah 2013, di sini pada Rabu malam.

Baginda berharap ikatan perpaduan itu akan terus utuh sehingga selepas pilihan raya umum nanti kerana mandat yang diberi melalui proses pilihan raya perlu dihormati sebagai pengiktirafan kepada tanggungjawab demokrasi berpelembagaan.

Karnival tiga hari di Dataran Jubli Emas itu adalah anjuran kerajaan negeri dan Jabatan Agama Islam Perlis (JAIPs) dengan kerjasama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis (MAIPs).

Pelbagai acara diadakan pada karnival sempena sambutan Maal Hijrah peringkat negeri Perlis 1434 itu, antaranya pameran oleh jabatan dan agensi kerajaan di samping jualan barangan oleh usahawan Islam.

Sempena perasmian itu berlangsung program bual bicara bersama penyanyi nasyid Hafiz Hamidun dan seorang muallaf Lim Jooi Soon.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926665>